From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Monday, 18 April, 2022 10:59:18 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM CDC: Spark Your Future Career Buka Mata Pelajar

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

18 APRIL 2022 / 16 RAMADAN 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Muhammad Mujahid Mustaqim (Pelajar Praktikum SEFB) dan Muhamad Adip Zulkeflee (Pelajar Praktikum SOIS)
Gambar oleh: UUM CDC

'UUM CDC: SPARK YOUR FUTURE CAREER' BUKA MATA PELAJAR



UUM ONLINE: Program ’CDC on Demand High Impact Talk: Spark Your Future Career’ membuka minda pelajar sebelum melangkah ke dunia pekerjaan sebaik tamat pengajian di universiti.

Pengerusi Majlis Profesor Universiti Utara Malaysia, Prof. Ts. Dr. Suhaidi Hassan telah berkongsi ilmu dan pengalaman beliau bersama hampir 200 peserta tentang pembangunan dan pengetahuan pelajar UUM terhadap alam pekerjaan.

Menurut beliau, perkembangan ekonomi yang mula merudum telah menyumbang kepada peningkatan bilangan pengangguran graduan di Malaysia.

"Ini menyebabkan persaingan graduan bagi memperolehi kedudukan dalam pekerjaan semakin tinggi, justeru program seperti ini mampu membuka mata dan minda pelajar UUM untuk lebih peka dan bersiap sedia untuk memasuki alam pekerjaan.

"Dalam hidup kita perlu ada *grit* atau tekun, kesungguhan untuk mengatasi halangan dalam hidup. Dengan itu, kita akan lebih fleksibel untuk berubah mengikut keadaan. Inilah yang dinamakan *ready to change*," katanya.

Suhaidi merupakan seorang yang berpengalaman luas dalam dunia pekerjaan. Beliau juga merupakan seorang pensyarah di Pusat Pengajian Pengkomputeran (SOC) dan pakar dalam bidang pengkomputeran, selain pernah dianugerahkan felo Saintis Muda World Knowledge Dialogue Foundation, Switzerland pada tahun 2006 di Crans-Montana, Switzerland.

Beliau juga bergiat aktif dalam pelbagai pertubuhan antarabangsa seperti Internet Corporation for Assigned Names and Numbers (ICANN), International Telecommunication Union (ITU), Internet Society Chapter Malaysia (ISOC), Internet Engineering Task Force (IETF), Institute of Electrical and Electronics Engineers (IEEE) dan United Nations Internet Governance Forum (IGF).

Sementara itu, Timbalan Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar, Muhammad Alif Haiqal Amran selaku moderator berkata, *grit* yang membawa maksud tekun, tabah dan cekal perlu diterapkan dalam hidup sebagai seorang pelajar.

Menurutnya, dari situ pelajar UUM akan bersedia untuk dicampakkan ke mana sahaja. *We will ready for changes and be more flexible*.

“Benih yang baik jika dicampak ke langit menjadi bintang, jika dicampak ke laut menjadi pulau dan jika dicampak ke darat menjadi pohon yang berbuah," ujarnya.

Bagi pelajar praktikum dari Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Lydia Sabun, program itu telah berjaya memberi gambaran dunia pekerjaan yang sebenar dan menyedarkan dirinya untuk lebih bersedia menempuhinya.

Katanya, sebagai seorang pelajar yang sedang menjalani latihan industri, perkongsian ilmu yang disampaikan panel banyak membantu untuk mengenal pasti kemahiran-kemahiran yang perlu diasah sebelum melangkah ke alam kerjaya.

’CDC on Demand High Impact Talk: Spark Your Future Career’ dianjurkan oleh Pusat Pembangunan Kerjaya (CDC), Jabatan Hal Ehwal Pelajar.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not

relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.